## NEWS CLIPPING

| | |
|---|---|
| **EVENT** | 7-ELEVEN LANCAR KEMPEN PENEBUSAN EMOBEAR |
| **PUBLICATION** | Harian Metro |
| **PAGE/SECTION** | Media & Marketing |
| **DATE** | 4 July 2020 |
| **TIME** | |




# 7-ELEVEN LANCAR KEMPEN PENEBUSAN EMOBEAR

7-ELEVEN MALAYSIA, rangkaian kedai serbaneka No.1 negara, baru-baru ini bekerjasama dengan syarikat emoji untuk melancarkan kempen penebusan EMOBEAR. Koleksi EMOBEAR merangkumi 27 rekaan unik yang memaparkan emotikon yang berbeza pada jersi EMOBEAR iaitu Luvly, Starry, Wannabey, Notty, Ka-Chingy dan lain-lain.

Pelanggan akan diberi pelekat kempen untuk setiap pembelian RM5 ke atas dalam satu resit di mana-mana cawangan 7-Eleven Malaysia bermula dari sekarang hingga 16 Ogos 2020. Sekiranya pembelian termasuk produk terpilih rakan kongsi 7-Eleven antaranya jenama seperti Pepsi, Cadbury dan Marigold, pelanggan akan turut diberikan pelekat bonus. Bagi setiap 24 pelekat kempen yang dikumpulkan, pelanggan layak menebus satu EMOBEAR, malah pelanggan yang ingin mendapatkannya dengan lebih cepat juga boleh membeli pada harga RM9.90 disertakan dengan 12 pelekat. Penebusan EMOBEAR boleh dibuat dari sekarang sehingga 23 Ogos 2020.

Pengurus Besar Pemasaran 7-Eleven Malaysia, Ronan Lee berkata: "Populariti emotikon telah memberi inspirasi kepada kami untuk mengintegrasikannya ke dalam kempen penebusan kali ini. Emotikon tidak hanya mengubah cara kita menyampaikan mesej teks, ia juga memberi impak kepada komunikasi seharian. Kami yakin bahawa EMOBEAR akan menjadi rebutan ramai pelanggan memandangkan emotikon telah menjadi sebahagian dalam komunikasi harian kita terutamanya di medium digital.

Tambah Lee: "Pelanggan juga boleh menyertai peraduan media sosial iaitu 'Take A Picture With Your EMOBEAR' yang berlangsung dari sekarang sehingga 2 Ogos 2020. Seramai 10 pemenang berpeluang membawa pulang tiga EMOBEAR pilihan mereka. Untuk menyertai peraduan ini, pelanggan hanya perlu mengambil gambar dengan #EMOBEAR 7-Eleven yang telah ditebus dan memuat naik gambar paling kreatif di akaun Facebook atau Instagram mereka dengan menggunakan tanda pagar #PictureWithEMOBEAR, #EMOBEAR dan #7ElevenMY dalam kapsyen."

Kunjungi 7-Eleven terdekat anda dan nikmati tawaran terbaru seperti Aiskrim, pelbagai jenis roti dan pastri, rangkaian produk import yang enak, onigiri, makanan sejuk beku (frozen food), Slurpee dan banyak lagi untuk mendapatkan pelekat kempen penebusan EMOBEAR.

Pelanggan juga boleh memuat turun dan mendaftar sebagai ahli aplikasi My7E untuk menikmati pelbagai jenis ganjaran eksklusif. Lebih menarik, pelanggan akan mendapat ganjaran Welcome Rewards RM3 secara percuma apabila mereka muat turun aplikasi tersebut. Ganjaran-ganjaran yang lain termasuk ganjaran istimewa hari jadi, kad e-Stamp, e-Coupon dan sebagainya.

Dengan pelancaran kempen penebusan EMOBEAR, 7-Eleven Malaysia berhasrat untuk terus meningkatkan pengalaman membeli-belah pelanggan serta taraf perkhidmatan sebagai pengendali kedai serbaneka terbesar di Malaysia dengan lebih 2,400 kedai di seluruh negara. Dalam pada itu, 7-Eleven Malaysia juga akan terus memenuhi kemahuan dan menepati citarasa pelanggannya selari dengan mottonya, Sentiasa Di Sisimu.